

PENERAPAN KONSEP PENDIDIKAN ISLAM DALAM PROGRAM PENGAJIAN ALAM BINA

Mastor Surat, Mohammad Fauzi Mohd Zain, Nurakmal Goh,
Mazlan Tahir dan Zabidi Hamzah
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia
mastor@vlsi.eng.ukm.my

ABSTRAK

Pembangunan alam bina di Malaysia dilihat sedang mengalami ksisis berikutan dari pelbagai kemungkiran yang dilakukan oleh individu atau kumpulan yang terlibat dalam pembangunan tersebut. Individu dan kumpulan tersebut yang juga disebut sebagai modal insan tidak hanya terdiri dari golongan teknokrat semata-mata sebaliknya terdiri dari mereka yang berlatarbelakangkan pelbagai disiplin samaada sebagai kontraktor, pembekal, pemaju, penaung atau patron, penguasa dan sebagainya. Kemungkiran tersebut dilihat pula berpunca dari kelemahan modal insan yang dihasilkan oleh institusi pendidikan. Oleh itu selain dari memberikan keilmuan mengenai alam bina kepada setiap program pengajian yang berkenaan supaya keilmuan tersebut diketahui oleh setiap golongan masyarakat, program pembangunan modal insan juga perlu ditekankan bagi menghasilkan modal insan yang tidak hanya memiliki kepakaran dalam bidang masing-masing, tetapi juga adalah modal insan yang berkualiti, kreatif dan mampu untuk berfikir dalam menangani pelbagai isu dalam kehidupan. Oleh kerana terdapat pandangan yang mengatakan tentang institusi pendidikan juga sedang mengalami krisis dalam program pengajarannya; disamping dilihat sebagai kurang berjaya dalam peranannya untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti, konsep pendidikan Islam telah dicadangkan supaya disepadukan ke dalam program pendidikan bagi meneruskan usaha untuk mencapai matlamat modal insan sebagaimana yang dihasratkan. Namun begitu usaha tersebut bukannya sesuatu yang mudah kerana terdapat pelbagai halangan dan kekangan yang perlu ditangani dan memerlukan daya keinginan yang tinggi dalam perlaksanaannya.

Kata kunci: Kemungkiran; Alam Bina; Modal Insan; Pendidikan Islam

PENGENALAN

Kemungkiran dalam pembangunan alam bina adalah dimaksudkan kepada salahlalu atau keingkaran dalam menjalankan tugas, tanggungjawab yang diamanahkan dan peranan yang dilakukan oleh individu atau kelompok pengamal alam bina samaada berkaitan dengan senibina, kejuruteraan, landskap,

infrastruktur dan setiap individu atau kumpulan yang menjadi pemaju, penaung atau patron kepada sesuatu projek pembangunan alam bina, kontraktor, sub-kontraktor, pekerja binaan, penyelia tapak dan pembekal yang bertanggungjawab dalam kerja-kerja binaan serta pihak penguasa yang menjadi pemantau atau yang menjalankan undang-undang yang berkaitan dengan pembangunan alam bina.

Oleh kerana proses pembangunan alam bina tidak hanya dilakukan oleh individu perseorangan samaada arkitek atau jurutera sahaja, sebaliknya dilakukan oleh banyak pihak-pihak yang terlibat termasuklah masyarakat pengguna, maka sesuatu kemungkaran terhadap pembangunan alam bina tidak boleh ditujukan hanya kepada individu atau kumpulan tertentu tersebut sebaliknya kepada gabungan anggota dari pelbagai disiplin berkenaan. Setiap dari mereka perlu menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna bagi memastikan pembangunan alam bina yang dicadangkan benar-benar berkualiti. Oleh itu setiap dari mereka juga memerlukan nilai insaniah yang baik serta memiliki serba sedikit keilmuan yang berkaitan dengan alam bina supaya setiap dari individu tersebut benar-benar arif dalam menangani setiap permasalahan atau isu yang berkaitan dengan alam bina yang mereka sama-sama bangunkan.

Kemungkaran dalam alam bina dilihat berpunca dari kelemahan individu, sementara kelemahan tersebut pula diandaikan berpunca dari sistem pendidikan yang diterima oleh setiap individu tersebut semasa berada di institusi pendidikan. Oleh itu permasalahan tersebut perlu diatasi dengan cara memperbaiki perkara-perkara yang berada diakar umbinya bagi mendapatkan kesan kebaikan yang berpanjangan. Akar umbi yang dimaksudkan ialah program pendidikan yang diberikan semasa diperingkat pembelajaran yang perlu menjurus kepada pembentukan 'insan' berkualiti yang mampu berfikir dan tidak hanya menjadikan mereka hanya mahir dalam menjalankan tugas tetapi tiada kreativiti dan tidak amanah. Program-program kesedaran, kursus bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti serta usaha-usaha pemantauan dilihat hanya sebagai usaha jangka pendek yang kurang berkesan. Ia hanya mengatasi permasalahan 'luaran' individu sahaja sedangkan permasalahan 'dalaman' atau yang berbentuk intrapersonal perlu diatasi semasa diperingkat pengajian lagi.

Perbincangan menyentuh tentang pelbagai krisis pembangunan alam bina bagi menyatakan tentang betapa seriusnya permasalahan dalam pembangunan alam bina di negara kita. Perbincangan juga menyentuh tentang krisis yang berlaku dalam institusi yang mengajarkan ilmu yang berkaitan alam bina bagi menyatakan tentang permasalahan yang sedang berlaku dalam institusi tersebut. Perbincangan selanjutnya adalah mengenai peranan institusi pendidikan negara dalam pembangunan modal insan dengan melihat kepada pendekatan yang masih kurang berkesan untuk menangani pelbagai permasalahan yang dinyatakan. Pendekatan kepada konsep pendidikan Islam merupakan agenda utama dalam membincangkan peranan institusi pendidikan serta melihat kepada pelbagai kekangan dan halangan dalam perlaksanaannya. Dibahagian akhir tulisan ini adalah membincangkan tentang konsep pendidikan Islam yang berkemungkinan boleh disepadukan dalam sistem pendidikan negara dalam usaha menghasilkan modal insan yang berkualiti, beriman dan berkemahiran tinggi bagi memikul tugas dan tanggungjawab besar wawasan negara. Beberapa ulasan dari para pemikir juga dimuatkan diruangan akhir sebagai panduan dalam membuat

penilaian terhadap pendekatan keatas sistem pendidikan yang dicadangkan bagi mengatasi pelbagai permasalahan alam bina dan permasalahan kehidupan masyarakat. Melalui analisa serta ulasan-ulasan yang telah dikemukakan, adalah diharapkan agar pembaca dapat membuat penilaian ke atas kebaikan sistem pendidikan Islam seterusnya menyokong usaha penerapannya dalam sistem kehidupan manusia sejagat.

KRISIS PEMBANGUNAN ALAM BINA

Saban hari kita diperlihatkan dan diperdengarkan dengan pelbagai isu dan permasalahan yang berkaitan dengan alam bina seperti, bangunan runtuh, tanah runtuh, banjir kilat, orang terjatuh dari bangunan, bumbung diterbangkan angin, senibina yang menyakitkan mata, masalah keselesaan terma, masalah kejurangan, peniruan imej bangunan dan sebagainya. Sebagaimana yang kita ketahui, peranan dalam membangunkan alam bina tidak hanya terbelenggu kepada ahli teknokrat semata-mata seperti arkitek, perancang bandar, jurutera, jurukur bahan dan sebagainya, tetapi juga melibatkan golongan birokrat yang menjadi pemaju atau penaung kepada sesuatu projek pembangunan tersebut. Kebisaannya, suara mereka adalah lebih 'besar' dalam mengeluarkan keputusan berbanding dengan suara 'Orang Yang Berkelayakan'¹. Telah menjadi fenomena pembangunan alam bina masa kini dimana suara 'Orang Yang Berkelayakan' telah menjadi semakin 'kecil' kerana projek pembangunan telah menjadi 'bahan dagangan' untuk tujuan ekonomi. Mungkin mereka tiada kekuatan untuk mempertahankan hak mereka dalam menjalankan amalan berikutan dari kesan pendidikan yang diterima di universiti ataupun para pemaju dan patron tersebut yang tidak memahami tentang konsep pembangunan alam bina yang sebenarnya atau mereka telah 'kelabu mata' dan hanya memikirkan keuntungan sendiri sahaja.

Permasalahan di atas merupakan isu utama yang akan berterusan kepada generasi akan datang yang bakal terus menerima pembangunan alam bina yang berkualiti rendah atau tidak berkualiti langsung. Pembangunan alam bina yang sepatutnya mementingkan nilai kemanusiaan telah bertukar kepada nilai kebendaan. Isu mengenai krisis dalam halatuju senibina telah dibincangkan oleh penulis dalam bukunya 'Krisis Profesyen Senibina – Profesionalisme, Etika dan Halatuju'² telah menggariskan empat cabang permasalahan utama iaitu halatuju senibina melalui pengisian identitinya, wacana senibina yang menjadi pembimbing gerakan, peranan arkitek dalam profesion senibina dan faktor pengurusan dimana industri senibina berkembang. Keempat-empat cabang permasalahan senibina tersebut membentuk rantai yang saling berkait. Tiada suatu faktor yang berdiri sendiri sebagai punca utama krisis, tetapi umumnya berlaku akibat ketiadaan suatu nilai yang kukuh sebagai landasan, seterusnya membentuk sikap yang menyumbang kepada pembarahan krisis.

¹ Menurut pengertian dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984, Orang Yang Berkelayakan adalah samaada arkitek, jurutera atau pelukis bangunan berdaftar yang merekabentuk, mengawasi pembangunan projek dan bertanggung jawab sepenuhnya sekiranya berlaku kemungkiran keatas projek pembangunan tersebut.

² Sila lihat Mastor Surat, Rosdan Abdul Manan & Mohammad Tajuddin Mohd Rasdi (2007), Krisis Profesion Senibina : Professionalisme, Etika & Halatuju, Serendah, Saahifah Global Resources.

Setelah 50 tahun negara Malaysia mencapai kemerdekaan, pembangunan alam bina khususnya senibina dilihat telah mengalami pengisian dalam perkembangan yang tidak semakin baik malah dilihat sebagai lesu dan hampir menghilangkan relevan profesion dalam fungsi masyarakat. Faktor pertama ialah kedangkalan wacana dalam pembangunan alam bina dan senibina yang kemudiannya menyebabkan ketiadaan arah dalam pengisian identiti. Gayarupa, perancangan dan pembentukan identiti hanyalan berpandukan wacana yang cetek dan tidak menjurus. Maka pendekatan-pendekatan yang diambil lebih bersifat peniruan unsur-unsur senibina samaada dari unsur senibina silam dari dalam atau luar negara atau juga perwatakan dan gayarupa senibina luaran terutama dari barat sebagai model ikutan. Jika adapun landasan yang bersifat tempatan seperti faktor klimatik dan budaya tetapi hanya berupa pendekatan dari adaptasi dan penyesuaian dari rangka pemikiran yang rapuh.

Pengisian wacana senibina yang cetek ini dilihat antara lain berpunca dari sikap penggiat alam bina dari kalangan profesional, ahli akademik, patron dan juga pihak penguasa yang tidak begitu melihat ke hadapan. Krisis dalam profesion lebih menjurus kepada mengejar kebendaan sementara kepada golongan akademik pula lebih kepada pengisian tugas tanpa suatu visi yang jelas. Adalah lebih buruk lagi apabila patron dan pihak penguasa menjadikan projek pembangunan alam bina sebagai umpan politik dan dipihak yang menjalankan penguasaan pula hanya merujuk kepada perundangan yang lapuk tanpa melihat proses pembangunan sebagai suatu yang berubah yang memerlukan penyelarasan undang-undang setiap masa.

Selain dari permasalahan di atas, wujud lagi percikan konflik yang berpunca dari sikap kemanusiaan. Unsur-unsur seperti rasuah, pecah amanah, penyalahgunaan kuasa, kelalaian, ketidakcekapan, sikap memihak, pakatan rahsia (collusion) dan sebagainya telah menjadi asam garam industri pembangunan alam bina masakini. Faktor kemungkiran seperti ini sering diabaikan kerana ia hanya dilihat sebagai kelemahan manusia dan tidak dilihat sebagai suatu konflik budaya yang serius. Ia telah membarah secara perlahan dan telah pula diterima sebagai suatu budaya tanpa memikirkan jalan penyelesaian. Ini lah yang dimaksudkan sebagai krisis dalam profesion dan yang akan menerima akibatnya adalah pengguna yang mendiami atau menghuni sesuatu pembangunan yang dicadangkan. Idea sesuatu pembangunan yang sepatutnya memihak kepada keperluan budaya dan kehidupan penghuninya telah semakin tidak dihiraukan. Yang lebih menyedihkan apabila pengguna juga jahil untuk menilai hasil kerja yang baik dan yang sepatutnya mereka terima berbanding dengan jumlah wang yang telah mereka keluarkan. Lazimnya pembangunan alam bina yang tidak menepati budaya penghuninya, kehendak alam persekitaran dan konteks sezaman semasa ianya dibangunkan, pembangunan tersebut akan mengalami kegagalan samaada kegagalan darisegi senibinanya, strukturnya ataupun gagal untuk memberikan keselesaan, keselamatan dan ketenteraman penghuni dalam membangunkan sistem sosialnya.

Isu utama yang dirasakan menjadi penyebab kepada permasalahan tersebut adalah berpunca dari hilangnya penghargaan manusia terhadap budaya dan kehidupan. Dalam kehidupan masyarakat terdahulu, tukang, patron dan masyarakat memahami nilai budaya dan kehendak iklim setempat dalam

membangunkan sesuatu bentuk alam bina kerana mereka datangnya dari tempat dan budaya yang sama. Pada zaman moden, arkitek, para ahli teknokrat, patron dan masyarakat masing-masing tidak memahami budaya dan nilai kehidupan sesuatu bangsa serta tidak mempertimbangkan iklim dan persekitaran dalam pembangunan alam bina kerana profesion telah disifatkan sebagai perkara global. Para ahli teknokrat, patron dan masyarakat tidak mengetahui nilai dan ritual sebangsa dengannya kerana mereka melalui sistem pendidikan yang berbeza dan faktor 'status' dalam masyarakat. Oleh itu antara jalan untuk mengatasi permasalahan tersebut ialah menjadikan program pembangunan alam bina sebagai program asas dalam semua program pendidikan supaya setiap dari masyarakat benar-benar memahami budaya alam bina lebih-lebih lagi budaya senibina yang lebih unik dan kompleks.

KRISIS PENDIDIKAN ALAM BINA

Persoalan ini pernah dibincangkan oleh Mohammad Tajuddin Mohd Rasdi sewaktu beliau menjadi Felo Tamu di Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM. Terdapat dua jawapan mengenai persoalan tersebut iaitu Ya dan Tidak. Mungkin juga ada yang keliru dan tidak memberikan sebarang jawapan. Jawapan Ya, jika kita merasakan telah tiga dekad program alam bina diajarkan dinegara kita tetapi masih kurang penulisan, dokumentasi dan taksiran tentang senibina tempatan. Jawapannya Tidak, jika kita tidak menghiraukan tentang nilai atau kualiti alam bina yang telah dibangunkan di negara kita. Menurut Mohammad Tajudin, beliau melihat bahawa program pendidikan Alam Bina di negara kita sedang berada dalam keadaan krisis jika kita bebar-benar endah mengenainya. Perkara terpenting yang perlu dilihat ialah mengenai falsafah pendidikan bagi setiap institusi yang mengajarkan pendidikan alam bina. Falsafah pendidikan begitu penting untuk memandu halatuju pendidikan dan membentuk graduan yang akan mengambil tugas membangunkan negara. Persoalannya lagi, mampukah graduan kita mengambil tugas tersebut dalam suasana pembangunan negara yang sedang mengalami krisis. Sehingga kini universiti hanya melahirkan 'pekerja mahir' dan bukannya 'ahli pemikir'. Pekerja mahir samalah seperti robot yang hanya boleh membuat kerja tetapi tiada kreativiti untuk menghasilkan bidang tugas yang lebih baik. Perkara tersebut telah juga dibincangkan oleh Frank Lloyd Wright dalam mengkritik universiti di Amerika Syarikat sebagaimana ucapannya yang terkandung di dalam buku berjudul 'Truth Against the World'.³ Petikan ucapannya adalah sebagaimana berikut :

"Now what does 'university' mean? Our state university is chiefly a trade school. You go down there for some specialized training. You are there just in line to learn to make a living. You don't go to the university to learn about the verities of nature, the truths of the 'universal' for which 'university' is the name. True education is a matter of 'seeing in' , not merely 'seeing at' .

³ Petikan dari nota ucapan Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi, Democracy and Architecture Education: The 'Wright' Perspective, Forum: Towards a Global Perspective of Architecture Education Organized by KALAM-Dept. of Architecture, UTM, Skudai, Park Royal Hotel, 23rd-24th August 2003

Wright berpendapat bahawa kebanyakan pelajar universiti di Amerika Syarikat di ketika itu hanya diajar untuk 'melihat masalah' dan bukannya diajar tentang bagaimana untuk 'menyelesaikan masalah'. Fenomena inilah juga yang sedang melanda program di universiti kita hari ini. Graduan kita seolah-olah tiada sifat jati diri untuk melihat dan menyelesaikan sesuatu permasalahan, khususnya mengenai alam bina menurut 'acuan kita' sendiri.

Program pendidikan kita sememangnya berada dalam keadaan krisis apabila kita akan berasa kehilangan apabila ahli akademik yang bersara atau meninggal dunia tidak mewariskan pengalaman, ilmu atau pengetahuannya kepada yang masih tinggal kerana tiada atau kurangnya penulisan dan penulisan tidak menjadi kriteria utama untuk proses kenaikan pangkat kepada ahli akademik.

Program pendidikan kita sememangnya berada dalam keadaan krisis apabila Pendidikan Alam & Persekitaran, Antropologi-Senibina, Kritikan Senibina dan Senibina Lestari yang telah dibincangkan lebih dua dekad yang lalu tidak diambil peduli dalam program pengajian Alam Bina dan pejabat dimana para graduan bekerja tidak lagi peduli tentang perkara-perkara tersebut.

Program pendidikan kita sememangnya berada dalam keadaan krisis apabila pelajar kita masih kurang membaca dan pensyarah kita hanya berupaya menconteng kertas lakaran mereka tanpa memberikan sebarang panduan dalam kerja-kerja rekabentuk kerana mereka juga kurang membaca dan kurang atau tidak menjalankan penyelidikan bagi meningkatkan pengetahuan. Yang lebih merisaukan apabila para pelajar tersebut masih kurang membaca setelah mereka bergelar graduan apatah lagi untuk menjalankan penyelidikan.

Menurut Mohammad Tajuddin lagi,⁴ kebanyakan para pelajar kita tiada arah tujuan semasa menjalani proses pembelajaran di universiti. Mereka tidak begitu pasti tentang matlamat mereka belajar di universiti kerana mungkin mereka tidak berpeluang untuk memikirkan perkara tersebut kerana terlalu menumpukan perhatian terhadap pencapaian dalam pelajaran. Akibatnya mereka akan terkapai-kapai dalam arus kehidupan sebaik sahaja menjadi graduan dan langsung tiada idea tentang isu untuk membangunkan masyarakat. Bila ditanyakan tentang Senibina Islam, mereka hanya mampu untuk melakarkan kesenian geometri orang Islam terdahulu tanpa memikirkan tentang sesuatu kebaikan atau nilai Islam itu sendiri atau sebagaimana kehidupan yang digambarkan oleh Nabi Muhammad saw. Setelah mereka menjadi graduan atau menjawat jawatan tinggi dan bertindak sebagai patron untuk sesuatu projek pembangunan, mereka akan menzahirkan Senibina Islam dengan binaan kubah dan gerbang yang besar-besar dengan tanpa merujuk kepada nilai pensejarahan sesuatu ketamadunan. Begitu malang kerana mereka telah tidak melihat kepada interpretasi terhadap sesuatu tipologi binaan yang akan mencemarkan lagi pemandangan rupa bandar atau persekitaran.

Program pembangunan alam bina di negara kita tidak akan berubah jika para akademik tidak berusaha untuk mengubal program pendidikan di universiti supaya setiap pelajarnya menjadi 'insan pemikir' seterusnya mengenal erti pembangunan samaada pembangunan insan atau pembangunan alam bina kerana pembangunan alam bina juga adalah berkaitan dengan pembangunan insan.

⁴ *ibid*

Program pembangunan alam bina sewajarnya diajarkan kepada setiap pelajar dalam semua jurusan supaya dapat memberikan kesedaran tentang betapa perlunya pengetahuan tentang nilai pembangunan alam bina yang baik. Keseluruhan masyarakat juga perlu dididik tentang rekabentuk alam bina yang baik supaya mereka boleh bersuara dan dapat menilai hasilkerja alam bina yang mereka terima. Mohammad Tajuddin juga mengajak ahli akademik, arkitek, jurutera, pemikir, patron dan semua yang terlibat dengan pembangunan alam bina termasuk masyarakat agar membuat perubahan besar dalam membangunkan idea dalam pembangunan alam bina berdasarkan kepada 'nilai sezaman' atau yang dipanggil 'spirit of time'. Pemikiran sedemikian begitu penting supaya kita tidak terus meniru pembangunan masa lampau yang telah berlaku di ruang lingkup zaman dan tempat yang berbeza dengan kita bagi melahirkan bentuk pembangunan yang mampu menggambarkan jati diri kita.

PERANAN PENDIDIKAN INSANIAH DALAM PROGRAM PENDIDIKAN

Peranan pendidikan diperingkat awal rancangan pembangunan negara ialah melibatkan perpaduan nasional, menyeimbangkan taraf pendidikan di seluruh negara dan memberikan latihan teknikal dalam bidang pertanian, sains perindustrian dan teknologi⁵. Peranan selanjutnya antara lain ialah meningkatkan kemahiran dalam memenuhi keperluan tenaga rakyat, memperbaiki mutu pendidikan dan meningkatkan keupayaan dalam penyelidikan, perancangan dan pelaksanaan bagi memajukan masyarakat yang berasaskan kepada sains dan teknologi moden. Peranan tersebut digubal pada setiap rancangan pembangunan Malaysia dan diteruskan dengan Wawasan 2020 yang dilancarkan oleh Dato'Seri Dr. Mahadir Mohamad Perdana Menteri Malaysia ke IV pada 28 Februari 1991. Dalam ucapannya Perdana Menteri telah menjelaskan bahawa menjelang tahun 2020⁶:

"Malaysia boleh menjadi negara maju dengan masyarakat Malaysia yang yakin, mempunyai nilai moral dan etika yang kukuh, hidup dalam masyarakat demokratik, liberal dan bertolak ansur, penyayang dan adil daripada segi pengagihan ekonomi, progresif dan makmur, dan mempunyai penguasaan sepenuhnya dalam ekonomi yang bersaing dinamik, giat dan kental."

(Dewan Masyarakat, Julai 1991)

Sembilan cabaran⁷ yang terdapat dalam Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia negara maju sepenuhnya dalam tahun 2020 adalah selari dengan Data Pembangunan Negara yang terdapat dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2)(1991-2002). Dalam RRJP 2 dinyatakan bahawa :

"Usaha-usaha dalam bidang pendidikan dan latihan akan diteruskan untuk melahirkan warganegara yang mempunyai imbalan bersesuaian dengan pengetahuan dan kemahiran dengan penumpuan terhadap sains dan teknologi,

⁵ Sebagaimana matlamat pendidikan negara di bawah Rancangan Malaysia Pertama

⁶ Sila rujuk Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som, 1999, Pendidikan Dan Pembangunan Negara dalam Isu Pendidikan Di Malaysia, Sorotan Dan Cabaran, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

⁷ *ibid*

nilai-nilai rohani dan moral yang tinggi, rasa bertanggungjawab, berdaya cipta, mudah lentur diri dan berupaya memberi sumbangan berkesan kepada pembangunan negara yang berharmoni, makmur dan bersatu.”
(Kerajaan Malaysia, 1991, m.s. 162)

Peranan terakhir sektor pendidikan dalam memenuhi cabaran dan kehendak wawasan ialah membekal dan membangunkan sumber manusia yang lebih dikenali kini sebagai modal insan kerana⁸ :

”Pembangunan sumber manusia adalah memainkan peranan penting dalam meningkatkan produktiviti dan membekalkan kemahiran ikhtisas, pengurusan dan teknik yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi, khususnya dalam proses peralihan ke arah menjadi sebuah negara perindustrian.”

(Kerajaan Malaysia, 1991. m.s. 7)

Matlamat rancangan pendidikan negara begitu cantik untuk dilihat dan begitu sedap untuk didengar, tetapi realiti yang berlaku adalah sebaliknya. Dalam berperanan untuk meningkatkan kualiti modal insan, institusi pendidikan terutamanya universiti telah menghadapi pelbagai masalah dan krisis pelajar dan graduan yang berkaitan dengan disiplin, komunikasi, peluang pekerjaan, keyakinan diri, jati diri, prestasi, sikap dan motivasi, tidak berani menghadapi cabaran dan sebagainya⁹. Walaupun isu-isu tersebut telah dibincangkan semenjak lebih 20 tahun lalu tetapi isu-isunya masih tetap berterusan sehingga kini; jika tidak masakan pembangunan alam bina dan isu pendidikan di negara kita masih berada dalam keadaan krisis sebagaimana yang telah dibincangkan di atas. Usaha-usaha untuk menangani pelbagai permasalahan tersebut perlu dilakukan dengan sempurna dan perlu dilakukan secara menyeluruh dan serentak di semua bahagian yang melibatkan pengurusan modal insan. Intitusi pendidikan berperanan untuk memperbaiki mutu pelajar dan pendidik atau ahli akademik, institusi pengurusan dan perkhidmatan berusaha untuk mendidik dan memperbaiki mutu disiplin anggota kerja dan para pemimpinya sementara pihak berkuasa berusaha untuk memantau sebarang kemungkiran yang melibatkan pembangunan alam bina dan pembangunan sosial. Pengembelangan tenaga tersebut sudah semestinya suatu tugas yang terlalu sukar untuk dilaksanakan untuk jangkamasa pendek. Namun begitu perancangan untuk jangkamasa panjang adalah berkemungkinan untuk dilakukan dengan menjadikan institusi pendidikan sebagai matlamat utamanya. Untuk meningkatkan kualiti modal insan yang benar-benar luhur, mungkin hanya satu kaedah sahaja yang dilihat setakat ini yang dirasakan mampu untuk menyerlahkan tugas tersebut iaitu melalui penerapan nilai Islam kedalam program pengajaran atau dengan memberikan kaedah pendidikan cara Islam. Ini adalah kerana Islam adalah agama 'sempurna' yang turut merangkumi unsur 'tarbiah' dalam sistem pengajarannya. Ketamadunan masyarakat lampau telah membuktikan kebenaran Islam termasuklah berjaya menggemilangkan tamadun masyarakat Arab, menerangkan kegelapan masyarakat Eropah dan menyinarikan kegemilangan tamadun masyarakat Melayu di Nusantara. Namun begitu

⁸ ibid

⁹ Sila rujuk Ibrahim Saad, (1986), *Isu Pendidikan Di Malaysia*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka

pengajaran menurut kaedah Islam telah tidak diamalkan secara bersungguh-sungguh dalam Institusi pendidikan kebangsaan semenjak zaman penjajahan sehinggalah setelah 50 tahun negara mencapai kemerdekaan melainkan pada institusi pengajian 'pondok' yang pembangunannya agak lesu dewasa ini.

Beberapa pendapat sebagaimana yang diutarakan oleh Dasuki Ahmad (1986), Amran Kasimin (1986), Mohd Kamal Hassan (1986)¹⁰ dan lain-lain lagi menggambarkan bahawa pendidikan cara Islam berpotensi untuk memperbaiki segala kelemahan yang dialami tetapi telah tidak begitu diindahkan. Sistem pendidikan selari yang diamalkan iaitu pemisahan antara pendidikan program yang berkaitan dengan ilmu kehidupan dan pendidikan yang berkaitan dengan ilmu keagamaan telah gagal untuk membentuk modal insan yang cemerlang dalam menjalani urusan kehidupan. Menurut Dasuki Ahmad¹¹, kebanyakan ahli akademik yang berpendidikan semata-mata mengenai ilmu kehidupan enggan untuk meningkatkan pengetahuan agama bagi memantapkan lagi kebolehan dalam isu keagamaan dan pendidikan, sementara ahli akademik yang berpendidikan agama akan menjadi kaku dan beku apabila berhadapan dengan pelajar atau masyarakat yang mempelajari Sains, Sejarah, Ilmu Alam dan keilmuan lain yang sering diajukan soalan bagi mendapatkan pandangan agama.

Mohd. Kamal Hassan¹² telah menyatakan beberapa halangan besar untuk mencapai matlamat-matlamat pembinaan keperibadian pelajar yang mencapai kepaduan antara ilmu yang berguna, iman yang mantap, akhlak yang mulia dan jasad yang sihat. Faktor-faktor penghalang tersebut berpunca dari rumahtangga, institusi pendidikan, para pembuat dasar, alam persekitaran, sosio-budaya dan pelbagai perbezaan dalam kehidupan masyarakat semasa. Kelemahan ahli akademik berhubung dengan dedikasinya kepada ilmu yang diajarnya, cara mengajarnya serta kepincangan kurikulum juga turut menjadi sebahagian dari halangan tersebut. Kebimbangan terhadap mutu pencapaian objektif pendidikan Islam dalam sistem pendidikan negara juga berlatarbelakangkan kepada kekhuatiran terhadap kemampuan Sistem Pelajaran Kebangsaan untuk mencapai dua matlamat besar iaitu perpaduan nasional dan pembangunan personaliti, perwatakan dan masyarakat yang bagus moralnya menerusi kegiatan kurikulum dan ko-kurikulum.

Mohd. Kamal juga mengaskan tentang kelemahan sistem pendidikan sediaada yang hanya menitikberatkan kemahiran teknik dan profesional tetapi meringankan isu tatasusila. Keutamaan yang diberikan lebih kepada manpower-oriented skills lebih daripada human-relation skills atau penanaman nilai-nilai moral yang membina. Keadaan ini berkemungkinan berpangkal dari hasrat kerajaan sendiri samaada sengaja atau tidak sengaja atau tidak digalakkan oleh dasar yang ingin memperkukuhkan nilai-nilai yang berorientasikan ekonomi bagi memenuhi hasrat sebahagian dari masyarakat. Menyedari akan kelemahan yang telah berlaku, maka timbullah hasrat untuk mengimbangi antara 'kemajuan kebendaan' dengan 'kemajuan rohani'.

¹⁰ ibid

¹¹ Sila lihat Dasuki Ahmad, (1986), Pelajaran Agama Kurang Perhatian, dalam Isu Pendidikan Di Malaysia, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

¹² Sila Lihat Mohd. Kamal Hassan, (1986) Penyerapan Unsur-unsur Islam Melalui Sistem Pendidikan Negara, dalam Isu Pendidikan Di Malaysia, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Menurut Mohd. Kamal Hassan lagi, 'kemajuan kebendaan' dan 'kemajuan rohani' tidak boleh dilakukan secara bersendirian kerana ia akan membawa kepada pertumbuhan syaksiah yang songsang, iaitu tidak sepadu dan tidak seimbang. Sebagaimana bukan semua nilai kerohanian itu baik untuk pertumbuhan syaksiah yang sihat, begitu juga dengan bukan semua nilai kebendaan yang wajar untuk dihayati. Konsep dan sikap positif yang berhubung dengan kemajuan kebendaan seperti kekayaan dengan tidak menindas orang lain, kekayaan untuk kebajikan dan untuk menghindarkan kemiskinan, pengurusan yang cekap dan rasional, kerajinan dalam bekerja, berhemah dalam perbelanjaan dan gigih dalam persaingan adalah wajar untuk diamalkan sementara kemajuan kebendaan yang mempunyai aspek sosial negatif seperti meningkatkan keuntungan sendiri, menipu dengan licik, menyorok barang, pakatan untuk menguasai harga, rasuah, sombong, mementingkan kesenangan kebendaan dan sebagainya perlulah dihindarkan. Aspek-aspek kebendaan negatif perlu digantikan atau diawasi dengan aspek-aspek moral-kerohanian yang positif seperti rendah diri dari segi kebendaan, mementingkan keperluan masyarakat, bersyukur atas pemberian Allah, berbakti kepada masyarakat, bersederhana dalam penggunaan sumber, kerjasama dalam kebajikan, tidak mementingkan kemewahan, bercakap benar dan jujur, benci kepada segala bentuk penipuan dan kezaliman terhadap orang lain. Nilai-nilai kerohanian yang negatif seperti penolakan terhadap kesenangan jasmani, menyerah kepada takdir tanpa berusaha, suka kemiskinan dari kekayaan, mempercayai kuasa ghaib dan tahyul, mementingkan kesucian batin sehingga meninggalkan tanggungjawab keluarga dan sebagainya perlu dihindarkan dan digantikan dengan nilai-nilai yang berorientasikan kemajuan kebendaan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai moral dan kerohanian.

Prinsip-prinsip yang dinyatakan sehingga kini masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya dalam sistem pelajaran di Malaysia tetapi mungkin langkah-langkah ke arahnya telah dibuat, jika tidak masakan masalah pelajar dan graduan masih tetap berterusan sehingga mengakibatkan kepincangan dalam urusan pekerjaan termasuk yang melibatkan pembangunan alam bina.

KONSEP PENDIDIKAN ISLAM DAN PEMBENTUKAN INSANIAH

Sistem pendidikan bersepadu yang dimaksudkan adalah persepaduan konsep pendidikan Islam ke dalam sistem pendidikan yang berorientasikan kepada pendidikan yang mementingkan pembangunan kemahiran modal insan semata-mata. Tajuk ini bertujuan untuk melihat tentang bagaimana sistem pendidikan Islam berupaya untuk menangani pelbagai isu dalam pembentukan modal insan yang bernilai melalui institusi pendidikan untuk dijadikan sebagai panduan dalam penyediaan rangka program pembangunan modal insan terutamanya yang berkaitan dengan pembangunan alam bina.

Kepentingan Ilmu Pengetahuan Kepada Manusia

Tanpa ilmu pengetahuan, manusia tidak akan dapat membangunkan tamadun. Ilmu ialah keperluan utama pembangunan tamadun insan yang sihat. Menurut antropologi Islam yang berasaskan ajaran al-Quran, manusia pertama yang dijadikan oleh Allah swt, iaitu Nabi Adam a.s. adalah manusia yang muwahid, iaitu penganut ajaran tauhid yang menyembah Allah swt. Manusia muwahid tidak muncul dalam sejarah hasil dari evolusi budaya sebagaimana yang didakwa oleh August Comte dan kebanyakan ahli antropologi moden¹³. Kitab suci al-Quran menegaskan bahawa sebelum Nabi Adam a.s. dan isterinya memulakan kehidupan di bumi, telah diajarkan kepada mereka “nama-nama segala benda”¹⁴. Ini bermakna sejarah ketamadunan manusia bermula dimuka bumi tidak dengan kejahilan dan kegelapan, sebaliknya telah diasaskan atas landasan bimbingan ilmu ataupun sistem pendidikan ‘dari langit’. Oleh itu dalam Islam, manusia muwahid muncul lebih awal dipentas sejarah dari manusia musyrik (polytheist). Syirik berleluasa dengan lenyapnya ajaran tauhid atau lemahnya pegangan manusia kepada ajaran tersebut lantaran kejahilan yang berleluasa.

Intisari pendidikan yang diberikan kepada Nabi Adam a.s. ialah ilmu Tauhid, iaitu ilmu yang menegaskan hakikat Keesaan Allah swt. Ilmu Tauhid adalah merupakan induk kepada segala ilmu dan kedudukan martabatnya yang paling tinggi dalam susunan atau hirarki ilmu (maratib al-‘ulum).¹⁵ Ilmu yang berasaskan kepada ajaran wahyu adalah diumpamakan di dalam al-Quran sebagai cahaya (nur) yang dapat menyinari hati sanubari pemiliknya dan seluruh alam. Pendidikan dan pengajaran ilmu yang baik kepada manusia adalah begitu perlu supaya manusia yang telah diamanahkan sebagai ‘khalifah’ dimuka bumi ini dapat mentadbir dirinya, keluarganya, masyarakatnya, negaranya dan sumber alam dengan seimbang, adil dan sebaik mungkin tanpa menimbulkan kerosakan dan kehancuran sebagaimana yang disyariatkan oleh Islam.¹⁶ Menurut beberapa buah Hadith Nabi saw¹⁷, semua makhluk samada malaikat, ikan di air, haiwan di darat dan burung di angkasa turut bergembira dengan sikap manusia yang belajar dan memiliki ilmu pengetahuan, kerana hanya orang yang berilmu sahaja yang dapat memikul tanggungjawabnya dengan baik.

Menurut penjelasan ahli-ahli ekonomi Islam, pendidikan dan latihan yang sesuai merupakan sumbangan yang tidak ternilai dalam usaha untuk memperbaiki mutu sumber manusia, meningkatkan keadilan sosioekonomi dan mempercepat pertumbuhan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi. Pendidikan dan latihan adalah dianggap sebagai faktor penyama yang agung kerana dengannya manusia yang berasal dari golongan miskin atau yang berpendapatan

¹³ Lihat Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam, Osman Bakar, Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid, hlm. 131.

¹⁴ Lihat al-Quran, Surah al-Baqarah 2 : 31.

¹⁵ Lihat Falsafah Sains Daripada Perspektif Islam, Osman Bakar, Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid, hlm. 130.

¹⁶ Lihat al-Quran Surah Saad 38 : 26

¹⁷ Misalnya, Hadith riwayat Abu Dawud, al-Tirmidhi dan Ibn Majah daripada Abu Darda' berbunyi : "Seluruh isi langit dan bumi memohon ampun bagi orang-orang yang berilmu." Menurut sebuah Hadith lagi, "Sesungguhnya malaikat melindungi sayapnya bagi orang yang mencari ilmu kerana bersenang hari melihat kerjanya." (Riwayat Ahmad Ibn Hambal)

rendah berpeluang untuk meningkatkan status sosial sehingga ketaraf yang menyelesaikan sehingga berupaya untuk membantu masyarakat lain¹⁸. Tekanan asas pendidikan perlu menjurus kearah mewujudkan manusia 'baik' dan 'produktif'. Setiap pelajar Islam hendaklah diajarkan dan dididik supaya menjadi seorang yang bercirikan Muslim sejati dan hendaklah didorong kearah mewujudkan ciri-ciri tersebut di dalam dirinya.

Memberikan pendidikan dan latihan kepada rakyat juga merupakan tuntutan 'Had al-Kifayah' yang misti disempurnakan oleh pemerintah Islam kepada rakyatnya dalam konsep sistem jaminan sosial sebagaimana yang dituntut oleh syariat Islam. Di Malaysia, walaupun masih belum mempraktikkan sistem pemerintahan Islam secara keseluruhannya, tetapi para pemimpin Islamnya telah cuba untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam sistem pendidikannya. Namun begitu seperti kebanyakan negara-negara Islam lain yang pernah dijajah oleh orang-orang bukan Islam, pengaruh sistem pendidikan sekular telah berleluasa dan sebatian dengan Sistem Pendidikan Negara. Akibatnya sistem pendidikan yang telah digubal, gagal untuk membentuk pelajar menjadi manusia yang lebih baik yang diperkaya dengan ciri-ciri Muslim sejati yang sedar tentang tanggungjawab kepada masyarakat¹⁹, melainkan pelajar-pelajar yang mempunyai inisiatif sendiri untuk mendalami Ilmu Islam secara persendirian.

Memandangkan kepada perlunya sistem pendidikan Islam diberikan kepada masyarakat Islam, tugas ini cuba untuk mengenalpasti konsep pendidikan Islam dan kebenarannya untuk terus diamalkan sementara segala kemungkar dan percanggahan perlu diketepikan dan ditinggalkan terus.

Pengertian Pendidikan

Dalam bahasa Inggeris, pendidikan di sebut education bererti segala proses memajukan sikap, serta nilai baik yang menjadi amalan dalam sesebuah masyarakat kepada setiap individu yang hidup dalam kelompok tersebut.²⁰ Humanis memberi penakrifan, pendidikan itu sebagai proses mental, emosi dan perkembangan moral yang terus menerus sebagai permulaan ke arah kualiti kehidupan yang membantu manusia untuk melihat perbezaan perundangan dan hubungkait berbagai-bagai pandangan diantara satu sama lain.²¹ Plato, seorang ahli falsafah dan pendidikan Greek kuno, menakrifkan pendidikan sebagai satu latihan jasmani dan rohani bagi mencapai kecantikan dan kesempurnaan.²² John Dewey, seorang ahli falsafah dan pendidikan Amerika, menakrifkan pendidikan sebagai proses membentuk kecenderungan asasi yang berupa kepercayaan dan perasaan terhadap alam sejagat dan sesama manusia.²³

¹⁸ Lihat M. Umer Chapra, *Islam Dan Pembangunan Ekonomi*, The International Institute of Islamic Thought, Malaysia, 1997, hlm. 106

¹⁹ Lihat M. Umer Chapra, *Islam Dan Pembangunan Ekonomi*, The International Institute of Islamic Thought, Malaysia, 1997, hlm. 107

²⁰ Lihat Kertas Seminar Tasawwur Pendidikan Islam ILH 206, 1999, Nota A

²¹ Ibid

²² Lihat Ahmad Tarmizi Talib, *Tamadun Islam*, Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, 1997, hlm.55

²³ Ibid

Al-Jamal memberikan takrif pendidikan sebagai proses membentuk tabiat dan sikap seseorang dalam berbagai-bagai aspek kehidupan samaada rohani, jasmani, akal, akhlak maupun sosial supaya dapat mengabdikan diri kepada Allah swt.²⁴ Al-Shaybani menakrifkan pendidikan sebagai membina atau membentuk keperibadian yang sempurna dalam berbagai-bagai aspek yang berhubung dengan jasmani, rohani, akal, amalan dan sosial bagi mendapat kebahagiaan dunia dan akhirat.²⁵

Khurshid Ahmad menakrifkan pendidikan sebagai satu latihan ‘aqliah, jasmaniah dan rohaniah’ bagi melahirkan manusia yang berkebudayaan tinggi yang sanggup melaksanakan tanggungjawab sebagai insan yang baik dan warganegara yang berguna.²⁶ Hassan Langgulung memberikan takrifan pendidikan sebagai suatu yang merubah dan memindah nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu melalui berbagai-bagai proses dan cara bagi melahirkan manusia yang bertanggungjawab dan berbakti kepada Allah swt.²⁷

Dalam Islam, perkataan pendidikan adalah ‘al-Tarbiyah’.²⁸ Istilah al-Tarbiyah adalah berasal dari perkataan ‘raab’ yang memberikan dua maksud atau makna iaitu :

- i. Tuhan
- ii. Yang mendidik alam.

Allah menjadikan alam dengan tujuan dan Allahlah juga yang membimbing alam terutamanya manusia untuk mentakbirkan mukabumiNya sebagaimana Firman Allah swt yang bermaksud :

“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang Khalifah di muka bumi”.

(al-Quran, Surah al-Baqarah : 30)

Tugas Khalifah dialam ini pernah ditawarkan kepada makhluk lain seperti langit, bumi dan gunung-ganang, mereka semua tidak sanggup sebagaimana Firman Allah swt yang bermaksud :

“Sesungguhnya kami telah mengemukakan amanat kepada langit, bumi dan gunung-ganang. Maka semuanya enggan untuk memikul amanat itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, dan dipikullah amanat itu oleh manusia, sesungguhnya manusia itu amat zalim dan amat bodoh”.

(al-Quran Surah al-Ahzab : 72)

Hakikat semula jadi manusia ialah untuk patuh dan tunduk mengabdikan diri kepada Allah swt. Bumi ini adalah diperuntukkan kepada manusia yang salih untuk memakmurkannya sesuai dengan tugasnya sebagai Khalifah.²⁹

²⁴ Ibid

²⁵ Ibid

²⁶ Ibid

²⁷ Ibid

²⁸ Lihat Kertas Seminar Tasawwur Pendidikan Islam ILH 206, 1999, Nota A

²⁹ Lihat al-Quran Surah al-Ambia : 105 - 106

Ciri – ciri Dalam Tarbiah³⁰

- i. Tarbiyah ialah suatu proses dimana manusia darisegei keperibadiaannya didekatkan dari satu tahap kesatu tahap sehingga sampai ketahap kesempurnaan (al-Insan al-Kamil) sebagai matlamat akhirnya.
- ii. Ta'alim memberi pengertian kepada satu proses dimana berlakunya pemindahan ilmu kepada manusia dapat merealisasikan fungsi, tugas dan statusnya di bumi ini.
- iii. Ta'dib ialah satu proses mendidik manusia yang didik itu akan mampu memperkembangkan segala potensinya kearah menentukan tatasusila perlakuan serta sikap murni yang diredhai oleh Tuhan.
- iv. Irshad iaitu memberi pengertian petunjuk yang benar-benar ke arah jalan yang betul bagi kehidupan di dunia seperti yang digariskan oleh al-Quran.
- v. Tadris memberi makna pengajaran yang dilakukan oleh seseorang guru kepada penuntut mengenai satu-satu mata pelajaran atau sebagainya.

Falsafah Pendidikan Islam

Falsafah adalah diertikan sebagai pemikiran atau pandangan yang benar, rasional dan bernas. Pemikiran atau pandangan tersebut dihasilkan melalui usaha kajian ahli falsafah dengan cara saintifik, sistematik dan logikal. Tujuan falsafah adalah untuk mencari serta membuktikan kebenaran dan memberi arah tuju atau pedoman untuk perkara-perkara yang penting dalam kehidupan.³¹ Firman Allah swt yang bermaksud :

“Allah menganugerahkan al-Hikmah (kefahaman yang mendalam tentang al-Quran dan al-Sunnah) kepada sesiapa yang Dia kehendaki. Dan barangsiapa yang dianugerahkan al-Hikmah, ia benar-benar telah dianugerahi kurnia yang banyak.”
(al-Quran Surah al-Baqarah : 269)

Falsafah moden bermula pada akhir abad ke 19 dan berkembang di Eropah.³² Diantara beberapa mazhab atau falsafah umum yang biasa dibincangkan oleh ahli-ahli pendidik barat ialah Idealisme, realisme, pragmatisme dan juga eksistensislisme. Pembinaan falsafah pendidikan moden terus berkembang dari cabang falsafah umum diatas dan dikenali dengan nama-nama seperti esensialisme, perenialisme, progresivisme, eksistensialisme, rekonstruksionisme dan sebagainya. Pembinaan Falsafah Pendidikan Negara adalah diasaskan dari fahaman-fahaman di atas dan dari semasa ke semasa cuba dikemaskinikan supaya menjurus kearah falsafah pendidikan Islam.³³

³⁰ Lihat Kertas Seminar Tasawwur Pendidikan Islam ILH 206, 1999, Nota A

³¹ Lihat Kertas Seminar Tasawwur Pendidikan Islam ILH 206, 1999, Nota A

³² Keterangan lanjut sila rujuk Mohd Salleh Lebar, Pentadbiran Pendidikan & Pendidikan di Malaysia, Addison Wesley Longman Malaysia Sdn, Bhd. 2000, hlm. 76-81

³³ ibid

Pembentukan Falsafah Pendidikan Islam

Falsafah Pendidikan Islam mengandungi usaha untuk mencari konsep-konsep yang mengarahkan manusia diantara gejala-gejala yang bermacam-macam proses pendidikan dalam rancangan yang bersepadu dan menyeluruh. Disamping itu mengandungi usaha yang menjelaskan berbagai makna yang menjadi dasar dan konsep-konsep pendidikan dan menubuhkan hubungan pendidikan dengan bidang yang menjadi tumpuan dan perhatian manusia.³⁴ Falsafah pendidikan ialah aktiviti-aktiviti fikiran yang teratur yang menjadi falsafah itu sebagai jalan untuk mengatur, menyelaras dan menyatukan proses pendidikan.

Pendidikan ialah aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh pendidik-pendidik dan ahli-ahli falsafah untuk menerangkan, menyelaras, mengecam dan menggubal proses pendidikan selaras dengan masalah-masalah kebudayaan dan unsur-unsur yang bertentangan di dalamnya. Falsafah pendidikan adalah sebagai sejumlah prinsip, kepercayaan, konsep, andaian dan yang telah dihadkan dalam bentuk bersepadu, saling berkait antara satu sama lain. Ini semua dapat menjadi pedoman untuk usaha pendidikan dan proses pendidikan dalam pelbagai bidang dan terhadap sistem politik dan sosioekonomi sesebuah negara.

Matlamat Falsafah Pendidikan Islam

Matlamat Falsafah Pendidikan Islam adalah untuk melahirkan individu yang serba lengkap samaada darisegi rohani dan jasmani mahupun dari segi material atau sosial bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan lebih-lebih lagi selepas mati. Ia bertujuan membentuk serta mengembangkan aspek-aspek kesempurnaan manusia yang mencakupi fizikal, rohani, mental dan sosial menurut membentuk rabbani bagi melahirkan insan kamil dan bertakwa.³⁵ Al-Ghazali q.s. berpendapat bahawa pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk mengisi fikiran kanak-kanak dengan ilmu pengetahuan, tetapi juga untuk memupuk watak akhlak yang murni.³⁶ Ibn Khaldun r.h. menyatakan bahawa pendidikan bertujuan menyedia dan membangun manusia ke arah kehidupan yang baik dan bahagia.³⁷ Oleh itu matlamat Falsafah Pendidikan Islam dapatlah di gariskan secara umumnya sebagaimana berikut :³⁸

- i. Dapat membangunkan kesedaran mental dan sosial.
- ii. Menjadi sumber kepada pendidikan lain
- iii. Membentuk peribadi yang mulia dan bermoral
- iv. Dapat mewujudkan pembangunan sosial yang sihat dan saling menghormati di antara satu dengan yang lain.
- v. Pendidikan Islam menolak perkara-perkara yang tidak baik atau penyelewengan dengan konsep kebenaran dan kejujuran Islam yang

³⁴ Lihat Kertas Seminar Tasawwur Pendidikan Islam ILH 206, 1999, Nota A

³⁵ Lihat Ahmad Tarmizi Talib, *Tamadun Islam*, Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, 1997, hlm.56

³⁶ *Ibid.*

³⁷ *Ibid.*

³⁸ Lihat Mohd Salleh Lebar, *Pentadbiran Pendidikan & Pendidikan di Malaysia*, Addison Wesley Longman Malaysia Sdn, Bhd. 2000, hlm. 82

- sebenarnya.
- vi. Pendidikan Islam memberi peluang kepada semua bangsa untuk mempelajari,
 - vii. Dapat melahirkan jiwa yang sihat dan mudah untuk menyelesaikan sesuatu masalah.
 - viii. Melahirkan semangat juang dan jihad untuk mempertahankan Islam dan negara Islam.
 - ix. Melahirkan semangat berdikari dan bersifat sederhana.
 - x. Untuk menjadi model dan contoh yang baik kepada orang lain.
 - xi. Memperkukuh keimanan dan ketakwaan seseorang.
 - xii. Bertanggungjawab kepada diri sendiri, ibu bapa, masyarakat dan negara Islam.
 - xiii. Melatih individu supaya mengamalkan kebersihan dari segi mental, emosi dan juga jasmani.

Falsafah Pendidikan Islam adalah hasil dari pemikiran rasional dan kritis para ahli falsafah muslim yang berkaitan dengan pendidikan yang berpaksikan tauhid dan bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Ianya menjadi pedoman dan hala tuju dalam mendidik setiap muslim.³⁹

Faktor Penghalang Kepada Pelaksanaan Konsep Pendidikan Islam Di Malaysia

Telah beratus tahun para ulama' Islam dan ahli-ahli pendidikan Islam mengasaskan idea dan konsep, sistem dan metodologi operasi pendidikan. Tradisi ilmu Islam penuh dengan khazanah-khazanah yang berkaitan. Antaranya ialah tulisan-tulisan oleh Imam al-Ghazali melalui karangan besarnya *Ihya 'Ulum al-Din*. Walaupun begitu tidak mudah untuk mencapai kejayaan sebagaimana yang dirancangan. Terdapat pelbagai halangan kepada usaha-usaha untuk merealisasikan sistem pendidikan Islam supaya diamalkan oleh masyarakat Islam walaupun ke atas negara yang pada dasarnya diperintah oleh orang Islam. Jika dikaitkan dengan kes di Malaysia, berikut adalah beberapa sebab yang menjadi faktor penghalang kepada pelaksanaan sistem pendidikan Islam di Malaysia.

a. Pelaksanaan kepada Falsafah Pendidikan Negara

Sistem pendidikan yang masih bersifat 'pelajaran'. Walaupun dari segi falsafah dan prinsip-prinsipnya sudah betul menepati maksud pendidikan Islam, tetapi operasinya yang merujuk kepada peranan guru dan agen-agen pendidikan masih menjadi masalah kepada pencapaian matlamat sebagaimana yang dihasratkan. Kaedah pelaksanaan di bilik darjah masih tidak dilaksanakan dengan betul sebagaimana yang telah disyariatkan oleh Islam. Mereka masih mencampur adukkan dengan falsafah pendidikan barat ketika menyampaikan ilmu kepada murid-murid.⁴⁰ Keadaan tersebut masih berlaku kerana para guru, pendidik, pensyarah dan sebagainya yang terlibat dengan institusi pendidikan kini telah mendapat pendidikan cara barat, cara sekularisme atau cara-cara lain yang tidak menepati dengan sistem pendidikan Islam. Sememangnya menjadi kesukaran

³⁹ Lihat Kertas Seminar Tasawwur Pendidikan Islam ILH 206, 1999, Nota A

⁴⁰ Lihat Kertas Seminar Tasawwur Pendidikan Islam ILH 206, 1999, Nota D

kepada mereka untuk mengajar dengan kaedah Islam sekiranya mereka tidak didedahkan dan seterusnya dididik pula kearah tersebut sebelum mereka menjalankan tugas-tugas pendidikan.

b. Peranan Ibubapa Dan Persekitaran

Ibubapa dan masyarakat yang bersifat 'persekitaran' adalah berperanan sebagai agen informal dalam sistem pendidikan. Pada hakikatnya persekitaranlah yang memberikan pendidikan kepada kanak-kanak dan individu, sementara bilik darjah hanya sebagai pemberi maklumat.⁴¹ Jika diperhatikan kepada faktor persekitaran yang ada di Malaysia kini, adalah ketara bahawa persekitaran yang ada tidak diambilkira sebagai komponen pendidikan yang serius. Akibatnya kanak-kanak atau individu yang sedang mengalami proses pendidikan akan menjadi kebingungan kerana terdapat dua nilai yang bertentangan iaitu semasa mereka di bilik darjah dan apabila mereka berada di luar bilik darjah.

c. Peranan Media

Sifat dan operasi media, sama ada cetak atau elektronik yang tidak 'educating' tetapi lebih bersifat 'commercialising'.⁴² Kementerian Penerangan dan TV merangka peratusan hiburan yang lebih tinggi berbanding dengan fungsi sebagai agen maklumat dan pendidikan. Mungkin kerana ketiadaan rasa tanggungjawab terhadap isu pembangunan insan, tarbiah atau pendidikan hanya dirangka dalam program TV Pendidikan yang lebih bersifat pelajaran. Rancangan TV lebih bercorak pengiklanan walaupun terpaksa diselitkan semasa penayangan filem. Konsep pragmatism dan kapitalism serta kebebasan berteras nasionalism membuka ruang luas kepada media untuk mengeksploitasi sentimen seks dan keremajaan untuk di 'commercialise' kan. Dengan itu idea-idea yang menganjurkan kebaikan tenggelam dari hati dan jiwa masyarakat. Selagi tiada usaha untuk membendung keterlanjuran yang telah dilakukan oleh pihak media untuk terus merosakkan fikiran, hati dan jiwa masyarakat, selagi itulah tidak akan wujud keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

d. Pembatasan Agenda Pendidikan

Dalam sistem pendidikan yang ada, matlamat agenda pendidikan adalah dibataskan kepada proses menuntut ilmu supaya boleh dimanfaatkan dalam pekerjaan semata. Agenda pendidikan sepatutnya terus di kembangkan dengan kaedah pembentukan jiwa supaya para pelajar lebih bersedia untuk menjadi pekerja yang baik dan mentaati agama.

⁴¹ ibid

⁴² ibid

e. Pendidikan Tidak Bersifat Gerakan Dakwah

Sistem pendidikan yang ada tidak berkonsepkan dakwah tetapi hanya kepada konsep memperbaiki diri dan masyarakat semata dengan tiada sikap untuk membasmi kejahatan. Konsep pendidikan dalam Islam ialah menyuruh orang berbuat baik dan mencegah dari berbuat kejahatan. Berikutan dari itu masyarakat Islam kehilangan semangat 'patriotik keislaman', jiwa menjadi sempit dan sentiasa dalam 'ketakutan'. Pendidikan hanya berlaku dalam institusi akademik tanpa didorongi oleh semangat jihad untuk menegakkan syariat Allah swt.

f. Kuasa Politik

Dalam negara membangun seperti Malaysia, kuasa politik lebih menguasai sesuatu keputusan. Ini terbukti apabila dasar-dasar pendidikan digubal berdasarkan iklim politik semasa. Menteri Pendidikan juga adalah orang politik yang akan mempengaruhi pembentukan dasar pendidikan negara. Oleh itu cita-cita untuk mewujudkan sistem pendidikan Islam di Malaysia hanya akan menjadi angan-angan sahaja sekiranya dasar-dasar pendidikan masih dipengaruhi oleh golongan politik lebih-lebih lagi oleh mereka yang tidak mengamalkan sistem politik Islam.

g. Pentadbiran Pendidikan di Malaysia.

Organisasi pentadbiran pendidikan di Malaysia adalah masih bertatacorak atau berparadigma kebaratan yang bersifat sekular dan dualism. Mereka masih merujuk kepada falsafah-falsafah barat dalam merangka falsafah pendidikan negara. Oleh itu selagi golongan-golongan tersebut yang mencorakkan konsep-konsep pendidikan negara, selagi itulah sistem pendidikan Islam tidak akan terlaksana di Malaysia.

h. Akta Pendidikan.

Akta atau laporan-laporan adalah sesuatu yang bersifat subjektif dari sudut pelaksanaan bergantung kepada watak, visi dan tingkahlaku menteri. Akta atau laporan-laporan tersebut adalah mempunyai aspek tertentu untuk difokaskan. Jika diperhatikan pada Akta Pendidikan 1995, ia adalah berlatarbelakangkan kepada kecenderungan pendidikan memasuki era pengkopratan yang pastinya akan menguntungkan pihak-pihak tertentu tetapi terpaksa menyusahkan sebilangan besar rakyat. Akta Pendidikan 1995 juga akan memberi kesan negatif kepada sistem pendidikan kebangsaan khasnya kepada pendidikan berteraskan Islam dan status Matapelajaran Agama yang diletakkan dibawah bidang kuasa menteri.⁴³ Ini bermakna pengamalan kepada sistem pendidikan Islam di Malaysia adalah terlalu kabur kerana menteri (yang telah kita sedia maklum) boleh bertindak apa sahaja sekiranya sistem yang diamalkan tidak berketepatan dengan visi politik mereka.

⁴³ Lihat Kertas Seminar Tasawwur Pendidikan Islam ILH 206, 1999, Nota D

Sokongan Terhadap Konsep Pendidikan Islam

Islam sebagai agama dan tamadun mempunyai banyak keistimewaannya. Namun begitu yang paling menonjol dan yang paling berjaya memasyhurkan tamadun Islam ke serata dunia sebagai sebuah tamadun yang agung ialah ciri keilmuannya. Tamadun ilmu Islam telah meninggalkan kesan yang sangat mendalam ke atas sejarah pemikiran barat sehingga menjadi sebahagian penting daripada warisan intelektual tamadun tersebut.⁴⁴ Walaupun terdapat pakatan sulit antara para penulis barat, golongan orientalis dan golongan anti Islam untuk menutup sejarah keemasan tamadun Islam yang telah berlaku diabad ke 9 hingga ke 13 Masehi dan sumbangan para intelek Islam dalam pelbagai ilmu pengetahuan, namun terdapat juga sarjana-sarjana barat yang terbuka hati mereka untuk meluahkan kebenaran ‘Zaman Perkembangan Intelek Islam’ tersebut. George Sarton seorang sarjana barat dalam bidang sejarah sains pernah berkata :⁴⁵

”Para pengkaji berkenaan dengan zaman pertengahan telah memberikan kepada kita idea palsu sama sekali tentang pemikiran sains zaman pertengahan kerana penumpuan mereka yang terlalu eksklusif kepada pemikiran barat, sedangkan pencapaian-pencapaian yang tertinggi telah diperilehi oleh orang-orang timur”.

..... disebutkan orang-orang ini kepada mereka,..... Al-Kindi, Al-Khawarizmi, Thabit Ibnu Qura,.....Al-Kharkhi,..... Omar Khayam, yang semuanya seagung dengan sarjana-sarjana Barat.

(Sarton 1968 : 17)

Seterusnya Sarton menegaskan lagi bahawa :

‘Abad kesembilanbelas hampir sepenuhnya berupa abad orang Islam,.... Kegiatan sarjana-sarjana Islam dan orang sainsnya, amatlah superior. Merekalah yang memegang piawai sebenar bagi tamadun pada masa itu.’

(Sarton, 1968 yang disebut di atas (sda) : 543)

George Bernard Shaw, seorang sarjana Inggeris yang terkenal pula, pernah berkata :⁴⁶

“Saya dapat menilai agama Muhammad dengan setinggi penghargaan kerana di dalamnya terkandung pelajaran-pelajaran yang hidup dan sungguh-sungguh menakjubkan. Menurut hemat saya, itulah satu-satunya agama yang dapat terserap dalam kehidupan bangsa manusia yang berbagai-bagai dari masa ke masa dan inilah yang menarik perhatian setiap generasi kepadanya....”

Keunggulan tamadun ilmu sebagai teras tamadun Islam berpunca dari sifat agama Islam itu sendiri. Asas kewujudan agama Islam ialah ilmu pengetahuan. Seluruh ajaran dan amalannya tertegak atas landasan ilmu. Franz Rosenthal telah

⁴⁴ Baharudin Ahmad, Falsafah Sains daripada Perspektif Islam, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994, Lihat Osman Bakar, Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid, hlm. 134-135.

⁴⁵ Sulaiman Nordin, Sains Menurut Oerspektif Islam, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1995, Lihat Shahrir bin Mohamad Zain, Sejarah Perkembangan Metematik Dalam Islam, hlm. 103.

⁴⁶ Lihat Ahmad Tarmizi Talib, Tamadun Islam, Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang, 1997, hlm.60 & 61

memberikan gambaran tepat mengenai kedudukan unggul tamadun ilmu sebagai teras tamadun Islam.⁴⁷ Kata beliau :

“Ilmu adalah salah satu konsep yang paling berpengaruh dalam Islam dan yang telah memberikan kepada tamadun Islam bentuk dan rupanya yang tersendiri. Malahan, tidak ada konsep lain yang dapat menandingi konsep ‘Ilm dari segi keberkesanan dalam mencorakkan tamadun Islam dalam segala segi. Kenyataan ini adalah benar meskipun diambilkira konsep-konsep agung dalam kehidupan keagamaan Islam seperti tauhid dan al-din dan banyak lagi konsep lain yang digunakan sepanjang masa dan yang diberikan penekanan istimewa. Tiada satu pun daripada konsep-konsep ini yang menyampaikan konsep ‘Ilm dari segi kedalaman makna dan keluasan penggunaan.”

Oleh itu boleh dikatakan bahawa, kesemua bidang kehidupan orang Islam, sama ada dalam kehidupan intelektual, keagamaan dan politik, sosial dan ekonomi dan apa sahaja yang dilakukan adalah berdasarkan kepada ‘ilmu’ yang merupakan nilai teragung bagi manusia Muslim. Islam menganggap ilmu sebagai jalan utama lagi terpilih bagi umat manusia menuju kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Walaupun Islam menekankan kepentingan amal ibadat dan pada umumnya segala perbuatan yang baik-baik, namun Islam tidak menganggap kesemuanya bernilai sekiranya dilakukan dengan tidak berasaskan kepada ilmu pengetahuan.⁴⁸ Berdasarkan kepada keterangan-keterangan tersebut, ilmu adalah merupakan unsur terpenting dalam pembinaan tamadun manusia. Pembangunan ilmu adalah dirujuk kepada proses pendidikan dan pengajaran yang akan memastikan kesinambungan ilmu akan terus berkembang. Merujuk kepada ‘Zaman Kegemilangan Intelpek Islam’ sebagaimana yang telah dimaklumkan, para sarjana Islam diketika itu sudah pasti bahawa, mereka telah mengamalkan sistem pendidikan cara Islam kerana mereka begitu unggul diketika itu untuk ditandingi oleh sistem-sistem pendidikan lain.

Walaupun sistem pendidikan Islam telah terserlah keupayaannya untuk membangunkan tamadun manusia, tetapi sistem tersebut tidak terus diamalkan oleh masyarakat dunia kerana telah disekat perkembangannya oleh golongan yang anti Islam. Golongan-golongan tersebut juga telah menyelewengkan fakta sejarah supaya umat Islam dikemudian hari tidak menyedari hakikat dan kemampuan umat Islam untuk mentadbir dunia dengan perdamaian dan kesejahteraan. Berbagai-bagai cara telah mereka lakukan untuk melemahkan orang Islam samada melalui serangan dan penjajahan politik dan yang lebih buruk lagi melalui serangan dan penjajahan minda.

Umat Islam di Malaysia telah mengalami kedua-dua jenis serangan dan penjajahan. Walaupun Malaysia telah merdeka dari cengkaman penjajahan Inggeris semenjak 50 tahun yang lalu, tetapi fikiran kebanyakan rakyat Malaysia termasuk yang beragama Islam masih terus terjajah dan masih belum ‘merdeka’ untuk memilih haluan ke arah yang diredhai oleh Allah swt. Ini adalah agenda

⁴⁷ Baharudin Ahmad, *Falsafah Sains daripada Perspektif Islam*, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1994, Lihat Osman Bakar, *Mewujudkan Tamadun Ilmu Berlandaskan Tauhid*, hlm. 134-135

⁴⁸ *ibid*

Inggeris dan golongan anti Islam untuk menyekat umat Islam dari terus maju dan mengulangi zaman kegemilangan politik dan intelek sebagaimana yang telah berlaku.

Jika ditinjau mengenai sistem pendidikan yang telah diamalkan di Malaysia sebelum penjajahan Inggeris, orang-orang Melayu khususnya yang beragama Islam telahpun mengamalkan sistem pendidikan Islam sehingga murid-murid yang berkemampuan dari segi mental dan kewangan telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka ke Timur Tengah. Oleh kerana tindakan penjajah Inggeris yang dirancang untuk menyekat perkembangan Islam di Malaysia, secara langsung telah tidak menyokong perkembangannya. Namun begitu, sistem pendidikan tersebut terus digerakkan oleh mereka yang berpendirian tegas yang melihatkan usaha-usaha mempertahankan setiap sistem Islam adalah sebagai satu jihad.

Melalui desakan dan tekanan mereka kepada pihak kerajaan, sistem pendidikan yang berasaskan Islam telah diteruskan walaupun selari dengan sistem pendidikan negara yang sehingga kini masih berkonsepkan sekularisme. Apabila telah semakin ramai masyarakat Malaysia yang berpendidikan dengan ilmu Islam dan sedar dengan sistem pendidikan yang diamalkan adalah tidak menepati syariat Islam, desakan dan tekanan mereka adalah semakin memuncak dimana akhirnya kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan telah membuat reformasi pendidikan dan merangka Falsafah Pendidikan Negara supaya menepati falsafah pendidikan Islam. Dari semasa-kesemasa dasar-dasar pendidikan negara dipinda dan diperbaharui untuk disesuaikan dengan matlamat negara. Langkah Kementerian Pendidikan yang telah menubuhkan sekolah menengah agama berasrama penuh yang mengajarkan kurikulum bersepadu antara ilmu agama dan ilmu-ilmu keperluan hidup adalah suatu langkah yang baik dan konsepnya wajar diteruskan kepada sekolah-sekolah yang lain supaya hasrat Falsafah Pendidikan Negara akan lebih terserlah.

KESIMPULAN

Segala permasalahan atau isu mengenai kemungkiran dalam pembangunan alam bina dilihat adalah berpunca dari sistem pendidikan yang diterima oleh setiap individu yang berurusan dengan pembangunan tersebut semasa mereka berada di institusi pengajian. Institusi pengajian pula dilihat sebagai telah gagal untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti dan beriman walaupun kebanyakan dari mereka adalah berkemahiran tinggi. Disamping itu keilmuan yang berkaitan dengan alam bina perlu diberikan kepada masyarakat keseluruhan supaya mereka mengerti dan mengetahui tentang hak mereka dalam sesuatu pembangunan alam bina dan mereka bertindak wajar apabila mereka terlibat dalam sesuatu projek pembangunan yang dirancangan. Namun begitu isu utama yang dibincangkan ialah mengenai penerapan konsep pendidikan Islam ke dalam program pendidikan, yang dilihat sebagai pilihan pertama bagi mengatasi pelbagai permasalahan dalam kehidupan manusia termasuklah ke atas tajuk yang dibincangkan.

Namun begitu, berdasarkan alalisis perbandingan dan perbincangan-perbincangan di atas, sistem pendidikan Islam adalah sukar untuk diamalkan

secara menyeluruh di Malaysia kerana dasar politik pemerintah sekarang yang melihat bahawa kebangkitan Islam adalah merupakan ancaman kepada kedudukan politik mereka. Mereka telah meminda dasar-dasar pendidikan supaya dapat menyelamatkan kedudukan politik mereka, yang kini semakin kuat mendapat tekanan dan tentangan dari pihak yang memperjuangkan sistem pemerintahan Islam. Oleh itu tidak hairanlah bila kita melihatkan percanggahan diantara Falsafah Pendidikan Negara yang telah hampir menepati kehendak syariah Islam dengan pelaksanaan proses pendidikan yang dilakukan di institusi-institusi pendidikan.

Melalui perbincangan keatas faktor penghalang kepada pengamalan sistem pendidikan Islam di Malaysia, adalah jelas bahawa kesemuanya adalah disebabkan oleh sistem pemerintahan yang tidak Islam. Sistem pemerintahan di Malaysia kini yang telah 'bankrup' dari segi akidah dan akhlaknya telah semakin menyukarkan umat Islam untuk mengamalkan cara hidup Islam dengan sejahtera. Oleh itu sekiranya umat Islam berhasrat untuk mengembalikan zaman kegemilangan ilmu dan tamadun Islam khasnya di Malaysia, mereka hanya ada satu pilihan sahaja iaitu menukar sistem pemerintah dari yang tidak Islam kepada sistem pemerintahan Islam. Hanya pemerintahan Islam sahaja yang mampu untuk melaksanakan sistem pendidikan Islam seterusnya menjadi pemangkin kepada penyungkilan khazanah ilmu yang terdapat di dalam al-Quran. Adalah difahamkan terdapat lebih kurang 750 rujukan berkaitan dengan ilmu di dalam al-Quran dan tidak ada agama atau kebudayaan lain yang menegaskan dengan begitu tegas akan kepentingan ilmu dalam kehidupan manusia untuk menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.⁴⁹

RUJUKAN

- Mastor Surat, Rosdan Abdul Manan & Mohammad Tajuddin Mohd Rasdi (2007),
Krisis Profesion Senibina : Professionalisme, Etika & Halatuju, Serendah,
Saahifah Global Resources.
- Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi, Democracy and Architecture
Education: The 'Wright' Perspective, Forum: Towards a Global Perspective
of Architecture Education Organized by KALAM-Dept. of Architecture,
UTM, Skudai, Park Royal Hotel, 23rd-24th August 2003
- Shahril @ Charil Marzuki & Habib Mat Som, 1999, Pendidikan Dan
Pembangunan Negara dalam Isu Pendidikan Di Malaysia, Sorotan Dan
Cabaran, Kuala Lumpur, Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ibrahim Saad, (1986), Isu Pendidikan Di Malaysia, Kuala Lumpur, Dewan
Bahasa dan Pustaka
- Kertas Seminar, Tasawwur Pendidikan Islam, ILH 206, ILHAM 1999

⁴⁹ Sulaiman Nordin, Sains Menurut Oerspektif Islam, Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1995, hlm. 2.

- Mohd Salleh Lebar ,2000, Pentadbiran Pendidikan & Pendidikan Di Malaysia, Addison Wesley Longman Malaysia Sdn Bhd,
- Baharudin Ahmad,1994, Falsafah Sains Daripada Oerspektif Islam, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Sulaiman Nordin, 1995, Sains Menurut Perspektif Islam, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Haji Ahmad Fauzi Haji Morad & Ahmad Tarmizi Talib, 1997, Tamadun Islam, Serdang, Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Noraine Abu, 1997, Al-Quran Mukjizat Yang Terbesar Nabi Muhammad saw, , Al-Hidayah Publisher,
- M. Umer Chapra, 1997, Islam Dan Pembangunan Ekonomi, The International Institute Of Islamic Thought, Malaysia
- Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984